



PERUTUSAN
HARI KRISMAS 2025 DAN TAHUN BAHARU 2026
TUAN YANG TERUTAMA
YANG DI-PERTUA NEGERI SARAWAK
TUN PEHIN SRI DR. HAJI WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Salam Sejahtera, Salam Segulai Sejalai

Dan Salam Sarawak Maju Makmur.

Selamat Menyambut Hari Krismas 2025

Dan Selamat Tahun Baharu 2026

1. Pada 25 Disember setiap tahun, penganut Kristian di seluruh dunia, termasuk di negeri Sarawak yang kita kasihi, akan menyambut Hari Krismas dengan penuh kesyukuran dan kerian.
2. Pada kesempatan yang penuh bermakna ini, saya dan isteri serta keluarga dengan penuh takzim mengucapkan Selamat Hari Krismas kepada semua penganut Kristian di Sarawak dan juga di mana sahaja mereka berada.
3. Semoga sambutan Krismas pada tahun ini diraikan dalam suasana penuh kegembiraan, kasih sayang kekeluargaan dan keharmonian, serta membawa kesejahteraan, harapan dan pengertian yang lebih mendalam dalam kehidupan kita bersama sebagai sebuah masyarakat yang bersatu padu.
4. Krismas adalah satu perayaan yang penuh makna, melambangkan kasih sayang, keikhlasan, serta semangat memberi dan berkongsi. Nilainilai sejagat ini wajar kita hayati dan amalkan dalam kehidupan seharian, kerana ia mendekatkan kita kepada nilai kasih sayang, toleransi dan persaudaraan yang menjadi asas penting kepada keharmonian masyarakat majmuk di Sarawak.
5. Di Sarawak, saya amat berbangga dengan amalan Rumah Terbuka yang terus dipertahankan pada setiap sambutan perayaan agama. Tradisi ini sentiasa dinanti-

nantikan semasa sambutan Hari Raya Aidilfitri, Gawai Dayak, Tahun Baharu Cina, Deepavali dan Krismas. Ia menjadi wadah penting untuk mengeratkan silaturahim dan persefahaman dalam kalangan rakyat berbilang bangsa, agama dan budaya.

6. Ambillah peluang ini untuk ziarah-menziarahi saudara-mara, sahabat handai dan kenalan bagi mengeratkan kasih sayang, ukhuwah dan keakraban. Amalan ini membuktikan bahawa perbezaan tidak memisahkan kita, sebaliknya menjadikan kita lebih kuat, lebih bersatu dan lebih matang sebagai sebuah masyarakat yang hidup dalam suasana aman, saling menghormati dan saling menyayangi.
7. Marilah kita terus memelihara semangat ini, meraikan kepelbagaian dengan rasa hormat dan toleransi. Ini adalah masa untuk mengeratkan hubungan, memaafkan, dan menyebarkan kasih sayang kepada mereka yang memerlukan.
8. Baru-baru ini, dunia telah menyaksikan keberanian sukarelawan antarabangsa termasuk rakyat Malaysia yang menyertai Misi kemanusiaan Sumud Flotilla yang membawa mesej sayang sejagat, harapan, solidarity kemanusiaan demi menyantuni insan-insan yang memerlukan.
9. Inilah cerminan nilai sejagat yang kita raikan pada Krismas ini. Keikhlasan, pengorbanan, dan semangat berkongsi tanpa mengira agama, bangsa dan latarbelakang. Semoga perayaan Krismas ini membawa kegembiraan yang tidak terhingga kepada anda dan keluarga.

TAHUN BAHARU 2026

10. Tidak lama lagi, kita akan melangkah masuk ke Tahun Baharu 2026. Saya berharap setiap daripada kita dapat memulakan lembaran baharu ini dengan azam dan semangat yang lebih membara.
11. Tahun 2025 telah menguji ketahanan kita. Walaupun kita mencapai pelbagai kejayaan, kita juga berdepan dengan pelbagai cabaran. Antara peristiwa dan bencana yang berlaku di peringkat Sarawak atau Malaysia termasuk kejadian tanah runtuh di Kampung Lereng Bukit, Miri, peningkatan kes kemalangan jalan raya di Jalan Pan Borneo, kebakaran rumah panjang/kampung/rumah individu, dan banjir kilat.
12. Terdapat juga isu sosial yang serius seperti: Kes Buli: Menurut laporan Kementerian Pendidikan Malaysia, jumlah kes buli (fizikal, lisan, dan siber) pada tahun 2024 adalah sebanyak 6,208 kes, menunjukkan bahawa isu ini adalah serius. Kes Kemalangan Jalan Raya: Media tempatan melaporkan bahawa Sarawak mencatatkan 19,964 kes kemalangan jalan raya pada tahun 2024, peningkatan sebanyak 2.4 peratus berbanding 19,498 kes pada tahun 2023. Kes Kebakaran Rumah: Sebanyak 15 kes rumah terbakar, termasuk rumah panjang dan rumah persendirian, berlaku pada tahun ini, menunjukkan banyak rumah di Sarawak masih terdedah kepada risiko kebakaran.
13. Kejadian-kejadian ini menyebabkan kehilangan nyawa dan harta benda, dan kita berharap kes-kes seperti itu dapat dikurangkan pada masa akan datang.
14. Dalam hal ini, adalah penting untuk adanya kerjasama antara Kerajaan dengan komuniti tempatan dan komitmen pelbagai pihak untuk terus mengambil langkah proaktif dalam pencegahan, penambahbaikan, dan tindakan yang lebih sesuai bagi menangani kes-kes ini daripada terus meningkat.

15. Bak kata pepatah Inggeris, “PREVENTION IS BETTER THAN CURE.” Marilah kita ambil iktibar daripada semua ini untuk melangkah lebih baik, lebih cermat, dan lebih maju.

BAHAYA DAN RISIKO KECERDASAN BUATAN (ARTIFICIAL INTELLIGENCE)

16. Dengan kemajuan teknologi, muncul teknologi baharu iaitu Kecerdasan Buatan (AI). Saya menyeru kepada rakyat agar bijak menggunakan dan menilai teknologi AI. Walaupun AI menawarkan banyak manfaat dan kemudahan, ia juga mempunyai bahaya dan risiko yang perlu diberi perhatian. Antaranya termasuklah manipulasi dan penipuan, penyebaran maklumat yang tidak benar, serta propaganda yang boleh menjejaskan privasi individu dan keselamatan. Bahkan ia juga berpotensi mencetuskan perselisihan faham dan perpecahan kaum. Oleh itu, adalah penting bagi pihak kerajaan, industri dan masyarakat untuk bekerjasama dalam menetapkan regulasi dan standard penggunaan AI yang selamat, beretika dan bertanggungjawab.

17. Adalah harapan saya, semoga rakyat Sarawak jangan menerima bulat-bulat semua maklumat atau kandungan yang dijana oleh AI. Saya syorkan rakyat sekalian untuk sentiasa menyemak fakta dan pertahankan kemahiran berfikir secara anali-tikal dan jadilah pengguna AI yang celik, aktif, dan beretika.

MEMBINA SARAWAK YANG LEBIH MAJU DAN MAKMUR

18. Pada tahun 2026 ini, marilah kita teruskan usaha untuk membina negeri Sarawak yang lebih maju, makmur, adil, dan harmoni. Kerajaan di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Datuk Patinggi Tan Sri Dr Abang Haji Abdul Rahman Zohari bin Tun Datuk Abang Haji Openg, Premier Sarawak dan barisan kabinet beliau akan terus memperkukuhkan ekonomi, memastikan kesejahteraan rakyat, dan mempromosikan nilai-nilai murni dalam masyarakat.

19. Oleh itu, saya menyeru kepada semua rakyat Sarawak, di mana sahaja berada, tanpa mengira latar belakang, untuk bersatu hati dan berganding bahu demi masa depan yang lebih cerah. Marilah kita bina sebuah negeri yang bukan sahaja hebat dari segi pembangunan, tetapi juga kaya dengan nilai kemanusiaan dan kelestarian alam sekitar.

CIRI-CIRI WILAYAH MAJU

20. Dari aspek pembangunan dan kemajuan, saya amat bangga bahawa Sarawak kini telah menunjukkan ciri-ciri seperti sebuah wilayah yang maju di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Premier Sarawak.
21. Walaupun belum setaraf negara-negara benar-benar maju seperti Singapura, Jepun, Kuala Lumpur, Pulau Pinang dan Korea Selatan, Sarawak jelas sedang menuju ke arah yang sama sejak kebelakangan ini melalui Pelan Pembangunan Pasca COVID-19 (PCDS) 2030.

➤ Ciri-ciri utama kemajuan Sarawak merangkumi: Ekonomi dan Pendapatan Tinggi

Pertumbuhan Ekonomi: Selain sumber minyak dan gas, Sarawak memberi fokus kepada sektor baharu seperti tenaga hijau, ekonomi digital, dan industri berteknologi tinggi.

- Pendapatan per Kapita: Sasaran adalah untuk meningkatkan pendapatan per kapita penduduk supaya setanding dengan negara berpendapatan tinggi, yang akan meningkatkan taraf hidup rakyat secara keseluruhan.
- Kemajuan Sains dan Teknologi dan Tenaga Boleh Diperbaharui:

* "Bateri ASEAN": Wilayah ini berhasrat untuk menjadi "Bateri ASEAN" dengan mengeksport tenaga hijau ke negara jiran.

- Ekonomi Hidrogen: Projek seperti pengeluaran hidrogen bersepadu dan penggunaan bas berkuasa hidrogen menunjukkan komitmen tinggi dalam teknologi hijau.
- Pengangkutan Pintar: Pelaksanaan projek Sistem Transit Aliran

Autonomi (ART) adalah langkah besar ke arah sistem pengangkutan awam yang moden, cepat, berkapasiti tinggi dan mesra alam.

- Infrastruktur Moden dan Mampan:

Jalan dan Pelabuhan: Kerajaan melabur besar dalam pembinaan dan menaik taraf jalan pesisir, jambatan, dan rangkaian jalan raya lain untuk meningkatkan hubungan.

- Projek Mega: Pembinaan lapangan terbang antarabangsa baharu di Tanjung Embang Samarahan dan pelabuhan laut dalam di Kuching akan melonjakkan pertumbuhan ekonomi dan menjadikan Sarawak sebagai hab serantau untuk perdagangan dan logistik.

Pendidikan dan Kualiti Hidup:

- Akses Pendidikan: Penekanan diberikan kepada peningkatan akses dan kualiti pendidikan, termasuk penubuhan sekolah antarabangsa milik kerajaan dan pemberian pendidikan tinggi percuma kepada pelajar Sarawak, sambil mengekalkan Bahasa Inggeris sebagai bahasa utama.

- Kesihatan: Tumpuan diberikan untuk menaik taraf fasiliti kesihatan yang usang, terutamanya di kawasan pedalaman, bagi memastikan semua rakyat Sarawak mendapat perkhidmatan kesihatan yang lebih baik.

- Pengurusan Kewangan yang Baik:

Kerajaan Sarawak telah mencapai penarafan kredit yang sangat baik. Agensi penarafan Malaysia, RAM Ratings dan MARC Ratings, secara konsisten mengesahkan penarafan sub-berdaulat Sarawak pada tahap AAA dengan prospek stabil. Penarafan tinggi ini disokong oleh: Kedudukan Fiskal yang Kukuh: Sarawak dijangka mempunyai rizab tunai yang besar, berjumlah RM26.9 bilion pada akhir tahun 2023.

- Pengurusan Kewangan yang Berhemat: Rekod prestasi Kerajaan Sarawak dalam menguruskan kewangan dengan berhemah, menghasilkan lebih belanjawan yang konsisten.
- Sumber Pendapatan Pelbagai: Pendapatan negeri tidak hanya bergantung kepada sumber semula jadi seperti minyak dan gas, tetapi juga diperluas melalui cukai jualan negeri dan pelaburan strategik.

22. Secara keseluruhannya, penarafan kredit yang cemerlang ini mencerminkan kestabilan kewangan, pengurusan yang berdisiplin, dan strategi pembangunan ekonomi Sarawak yang berpandangan jauh. Berdasarkan pencapaian ini, Sarawak sedang menuju status negeri maju dengan memacu ekonomi, infrastruktur, dan kemajuan sosial secara seimbang, selaras dengan visi Strategi Pembangunan Pasca COVID-19 (PCDS) 2030.

KERJASAMA RAKYAT DAN KERAJAAN

23. Kerjasama rakyat dan Kerajaan Sarawak adalah kunci untuk kemajuan dan kestabilan wilayah kita. Tanpa adanya sokongan padu rakyat dalam mendokong dan menyokong segala perancangan dan dasar-dasar Kerajaan Sarawak, agak mustahil hasrat kita untuk mencapai status sebagai sebuah wilayah maju dan makmur pada tahun 2030 akan tercapai dengan jayanya.

PENUTUP

Akhir kata, saya, Toh Puan dan keluarga mengucapkan terima kasih kepada semua yang telah memberikan sumbangan, sama ada besar mahupun kecil, dalam memastikan kemajuan dan kestabilan wilayah

Sarawak. Semoga Sarawak terus Sejahtera, Maju dan Makmur.

SELAMAT MENYAMBUT HARI KRISMAS 2025 DAN SELAMAT. TAHUN BAHARU 2026.